



## **KENYATAAN AKHBAR**

**Untuk Siaran Segera  
25 Julai 2018**

### **PELABUR DINASIHATI AGAR LEBIH BERWASPADA DENGAN SINDIKET MEMAKSA PENGELUARAN PELABURAN**

**KUALA LUMPUR** – Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat unit amanah Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang juga pengurus tabung Amanah Saham Bumiputera (ASB), menasihati para pelabur supaya sentiasa berwaspada dan tidak berkongsi maklumat peribadi dan pelaburan dengan pihak yang tidak dikenali.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin menasihati para pelabur supaya tidak melayan sebarang panggilan yang bertanyakan mengenai butiran pelaburan walaupun pemanggil mendakwa mereka adalah pegawai bank mahupun pegawai ASNB sendiri. “Jika menerima sebarang panggilan yang mencurigakan, pelabur disarankan agar jangan mudah panik dan tidak membuat sebarang transaksi membabitkan pengeluaran ASB atau unit amanah ASNB yang lain. Untuk mendapatkan kepastian, pelabur boleh menghubungi Jabatan Pengurusan Ejen dan Perhubungan Pelanggan ASNB di talian 03-20573000 atau terus berhubung dengan pihak polis untuk membuat semakan atau aduan”, kata Mohammad.

Tambah beliau, “Sebagai pengurus unit amanah yang mengurus lebih 229 bilion unit dalam edaran milik lebih 13.4 juta pemegang akaun, ASNB sentiasa komited melindungi wang pelabur dengan menggunakan sistem keselamatan terbaik. Namun, pelabur diminta untuk peka dan mengambil tahu tentang kewujudan sindiket seperti “Macau Scam” kerana ASNB tidak boleh membantu menggantikan wang pelaburan mereka sekiranya wang berkenaan dikeluarkan oleh pelabur sendiri setelah dipengaruhi sindiket tersebut”.

Dalam satu majlis ringkas di Menara PNB hari ini, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato’ Abdul Rahman Ahmad, telah menyampaikan sijil penghargaan dan cenderahati 1,000 unit Amanah Saham Wawasan 2020 kepada warga kerja salah sebuah ejen ASNB yang telah berjaya membantu seorang pelabur ASB daripada diperdaya oleh sindiket “Macau Scam”.

Dalam kejadian berkenaan, pelabur tersebut telah menerima panggilan daripada seorang pemanggil yang menyamar sebagai pegawai bank dan mendakwa beliau terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram, serta mengarahkan beliau memindahkan wang berjumlah RM120,000 untuk mengelakkan tindakan undang-undang. Pelabur yang panik telah pergi ke cawangan ejen ASNB berdekatan untuk mengeluarkan semua wang pelaburan ASBnya untuk dipindahkan ke akaun baharu sepertimana diarahkan pemanggil. Walau bagaimanapun, pelabur berkenaan bernasib baik kerana keresahan beliau disedari oleh warga kerja ejen ASNB yang mengambil inisiatif untuk bertanya lebih lanjut dan kemudiannya melaporkan kejadian berkenaan kepada pihak polis.

Antara modus operandi “Macau Scam” yang telah dikenal pasti ialah pemanggil yang mendakwa dirinya pegawai bank memaklumkan bahawa mangsa terlibat dalam jenayah penggubahan wang haram dan dadah sebagai strategi memperdayakan mangsa.

Menjelaskan lebih lanjut, Mohammad berkata, “Kes penipuan seumpama “Macau Scam” merupakan antara tujuan ASNB menganjurkan program pendidikan berasaskan pelaburan seperti Seminar Pelaburan 360 Hari. Menerusi program seperti ini, kami dapat berkongsi ilmu dengan orang ramai mengenai pelaburan, perancangan kewangan, produk dan perkhidmatan ASNB. Pada masa yang sama, orang ramai juga berpeluang untuk mendapatkan maklumat lanjut dengan bertanyakan terus kepada pegawai kami jika terdapat sebarang persoalan berkaitan ASNB”. Seminar Pelaburan 360 Hari yang dianjurkan ASNB setiap hari sejak 2003, telah disertai 666,003 peserta dan dianjurkan di 6,918 lokasi seluruh negara sehingga 30 Jun lalu.

*-Tamat-*

#### **Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai RM280 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Mengenai ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). ASNB kini mempunyai sejumlah 12 Dana dengan Unit dalam Edaran berjumlah lebih 229 bilion serta 13.4 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my).

#### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

#### ***Untuk pertanyaan media, sila hubungi:***

1. Suzana Ibrahim, Jabatan Komunikasi | [suzana@pnb.com.my](mailto:suzana@pnb.com.my) | 03 2050 5612